

**SULIT**  
2611/2  
Pendidikan Seni Visual  
2611/ 2  
Kertas  
Ogos 2008  
3 Jam



**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2008**

**( SIJIL PELAJARAN MALAYSIA )**

---

**PENDIDIKAN SENI VISUAL**

**KERTAS 2**

**SENI HALUS**

Tiga Jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI  
SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas ini mengandungi 6 soalan*
2. *Jawab **satu** soalan sahaja*
3. *Kertas soalan ini hendaklah diberikan kepada calon sekurang-kurangnya seminggu sebelum tarikh peperiksaan kertas ini.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

( Lihat sebelah )  
**SULIT**

**SULIT**

2611/2

**Arahan kepada calon**

- (a) Kertas soalan ini hendaklah dibawa ke tempat peperiksaan pada hari yang ditetapkan. Tulis dengan terang **Nama, Tingkatan, Nombor Kad Pengenalan, Mata Pelajaran, Nombor Soalan** dan sediakan ruang **Markah** mengikut susunan yang ditetapkan di sudut kanan sebelah atas muka hadapan lukisan anda (lihat gambar rajah di bawah).

**Sudut kanan sebelah atas muka hadapan lukisan anda.**

5CM	NAMA: _____
	TINGKATAN: _____
	NO. KAD PENGENALAN: _____
	MATA PELAJARAN: _____
	NO. SOALAN: _____
	MARKAH: _____
	8CM

- (b) Hasil kerja anda hendaklah yang asli.
- (c) Hasil kerja anda itu hendaklah memenuhi atau hampir memenuhi kertas lukisan itu **kecuali** ruang 5 cm x 8 cm yang ditetapkan.
- (d) Anda **tidak boleh menggunakan bahan pengilat atau syelek** pada permukaan hasil kerja yang telah siap.
- (e) Keseluruhan hasil kerja hendaklah diwarnakan.
- (f) Anda bebas menggunakan apa jua teknik menggambar **kecuali** teknik semburan atau "assemblaj". Jika teknik kolaj digunakan, anda hendaklah menggunakan kertas berwarna, bahan terbuang yang nipis seperti kulit majalah dan perca kain yang dibawa sendiri.
- (g) Hasil kerja anda itu hendaklah dalam **bentuk 2D** sahaja.

## SENI HALUS

Jawab *satu* soalan sahaja

1. Berlokasikan sebuah gerai *burger*, kelihatan seorang penjual sedang menyediakan tempahan yang dibuat oleh pelanggan. Dalam lukisan ini, anda juga perlu menunjukkan suasana dan peralatan yang terdapat di gerai tersebut.

Gambarkan situasi ini dari jarak dekat keadaan sebenar bagi menunjukkan situasi tersebut.

2. Di atas pentas, kelihatan seorang ahli silap mata sedang mempersembahkan pertunjukkan kepada para penonton. Di sebelahnya kelihatan peralatan yang turut digunakan dalam pertunjukkan tersebut.

Gambarkan keadaan ini dalam jarak dekat dengan memberi penekanan kepada penampilan aksi dengan kostum dan situasi yang sesuai dan menarik.

3. Di sebuah kolam, kelihatan pelbagai tumbuhan air seperti kiambang dan teratai yang memenuhi permukaan air dengan bunga yang pelbagai warna. Gambarkan suasana tersebut dengan memperlihatkan pokok-pokok yang tumbuh serta seekor burung kelihatan sedang bertenggek pada sebatang dahan yang patah di tebing kolam.

Lukiskan gambaran tersebut dengan memberi penekanan kepada perspektif, kesan garisan, jalinan, ruang serta keunikan warna situasi tersebut.

4. Dalam sebuah bengkel, kelihatan seorang pekerja sedang melakukan kerja mengukir bagi menyiapkan sebuah panel pintu dengan ukiran kerawang yang unik dan menarik.

Lukiskan gambaran tersebut dari jarak dekat dengan memberi penekanan terhadap aksi, komposisi, bentuk dan ruang.

5. Tiba-tiba tanah merekah dengan mengeluarkan kepulan asap dan serangga berbisa serta binatang yang unik bentuknya.

Lukiskan suasana ini dari sudut pandangan yang menarik dengan memberi penekanan terhadap komposisi, bentuk, jalinan dan warna.

6. Kelihatan beberapa buah perahu dilabuhkan di sebuah jeti yang berlatarbelakang sebuah perkampungan nelayan.

Gambarkan situasi ini dari arah laut dengan memberi penekanan kepada perspektif, suasana sekitar, jalinan dan warna.

**KERTAS SOALAN TAMAT**